



Membeli rumah idaman, lebih-lebih lagi jika rumah pertama, merupakan suatu pengalaman yang amat menyenangkan. Rumah adalah salah satu pembelian besar dalam hidup seorang dewasa dan melibatkan satu keputusan kewangan yang paling penting.

Untuk membiayai pembelian rumah, lazimnya anda perlu mengambil pinjaman perumahan. Memahami proses mendapatkan pinjaman perumahan boleh membantu anda menjimatkan masa, mengelakkan ketidakpastian serta mengurangkan tekanan yang tidak perlu.

Bab ini akan memberi anda pemahaman tentang pelbagai isu berhubung dengan pembelian dan pembiayaan pembelian rumah.

MEMBELI ATAU MENYEWA?

Memiliki rumah sendiri membuat anda rasa bangga kerana impian anda kini telah tercapai di samping rasa lebih terjamin dengan adanya tempat tinggal untuk anda sekeluarga.

Apabila membeli rumah, anda berpeluang untuk meningkatkan nilai harta bersih dengan membayar balik pinjaman perumahan. Setiap pembayaran akan mengurangkan baki pinjaman dan juga meningkatkan ekuiti rumah anda. Membayar balik pinjaman juga membolehkan anda memohon pembiayaan semula, jika perlu. Walau bagaimanapun, pembiayaan semula harus dipertimbangkan sekiranya anda mempunyai ekuiti ke atas rumah berkenaan yang mencukupi dan juga pinjaman tersebut memang diperlukan untuk tujuan tertentu.

